



International student UUM

by Nn Nn





Submission date: 16-Sep-2019 12:57PM (UTC+0700)

Submission ID: 1173530585

File name: 18582-52665-1-PB.pdf (251.73K)

Word count: 6231

Character count: 38138





Mengantarabangsakan ruang pendidikan tinggi Malaysia: Pengalaman sosio-budaya pelajar-pelajar antarabangsa di Universiti Utara Malaysia

Ratnawati Yuni Suryandari¹, Mohd Nor Jaafar², Nurul Hamiza Hamzah³

¹College of Law, Government and International Studies, Universiti Utara Malaysia & Jurusan Perencanaan Kota dan Wilayah, Universitas Esa Unggul Jakarta, ²College of Art and Science, Universiti Utara Malaysia, ³College of Business, Universiti Utara Malaysia

Correspondence: Ratnawati Yuni Suryandari (email: ratnawati@uum.edu.my)

Abstrak

Sistem Pendidikan Tinggi Malaysia kini lebih terbuka dan berhasrat menjadikan hub pendidikan tinggi serantau. Pengantarabangsaaan merupakan satu pendekatan yang dapat mempertingkatkan keupayaan dan keberkesanan pengajian tinggi agar setanding dengan sistem pengajian tinggi yang terbaik di dunia. UUM menyahut cabaran pengantarabangsaaan dengan menawarkan peluang pengajian kepada pelajar antarabangsa. Tujuan kajian ialah untuk melihat masalah sosio-budaya yang dihadapi dan ditimbulkan oleh para pelajar antarabangsa di Dewan Penginapan Pelajar Maybank UUM. Responden adalah seramai 182 orang pelajar yang dipilih secara rawak sebagai mewakili 43% daripada populasi. Kajian ini berbentuk tinjauan menggunakan soal selidik untuk menjawab soalan-soalan kajian. Daripada kajian ini didapati bahawa; (1) sebahagian besar pelajar antarabangsa tidak menghadapi sebarang masalah sosio-budaya, terutamanya pelajar dari Indonesia, (2) skala jarak budaya antara negara asal pelajar dengan negara Malaysia pada tahap 'lebih kurang sama', (3) masalah sosio-budaya yang kadang-kadang ditimbulkan oleh pelajar antarabangsa adalah masalah bahasa, etika, kebersihan dan kemudahan penginapan yang kondusif. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa semakin banyak persamaan keadaan sosio-budaya antara negara asal pelajar dengan negara Malaysia, dan semakin pendek jarak antara negara asal dengan negara Malaysia, maka para pelajar antarabangsa tersebut kurang menghadapi dan menimbulkan masalah sosio-budaya.

Katakunci: jarak budaya, masalah sosio-budaya, pelajar antarabangsa, pendidikan tinggi, pengantarabangsaaan, persamaan budaya

Internationalising Malaysia's educational space: The socio-cultural experiences of international students at Universiti Utara Malaysia

Abstract

Malaysia today aspires to be a regional hub of higher education where internationalization is believed to be the best empowerment approach to catapult the country's higher education to world class. Universiti Utara Malaysia (UUM) meets the challenges of internationalization by offering learning opportunities to international students. The purpose of this study is to analyse socio-cultural problems faced and posed by international students in UUM's Maybank Hall Student Accommodation. Primary data came from the responses of 182 students who were randomly selected to represent 43% of the population in a questionnaire survey. It was found that (1) most of the international students surveyed did not encounter any socio-cultural problems, especially students from Indonesia; (2) there was a similarity in the scale of cultural distance between the students' home country and Malaysia; and (3) socio-cultural problems sometimes posed by international students revolved around language, ethics, hygiene and the accommodation environment. In conclusion, the more socio-cultural similarities existed between the students' place of origin with

Malaysia, and the shorter the distance between their country of origin and Malaysia, the less likely the international students were to pose serious socio-cultural problems.

Keywords: cultural distance, cultural similarities, higher education, internationalisation, international students, socio-cultural problems

Pendahuluan

Kecemerlangan Malaysia di peringkat antarabangsa memerlukan sistem pengajian tinggi yang relevan berdaya saing dan mampu menyumbang kepada pembangunan sejagat. Sistem pendidikan tinggi negara kini lebih terbuka dan berhasrat menjadikan hub pendidikan tinggi serantau (Mohamad Kamal Harun, 2009; Kementerian Pengajian Tinggi, 2007; Ka Ho Mok, 2011). Pengantarabangsaan merupakan satu pendekatan yang dapat mempertingkatkan keupayaan dan keberkesanan pengajian tinggi agar setanding dengan sistem pengajian tinggi yang terbaik di dunia. Pengantarabangsaan ini dapat dicapai melalui kolaborasi penyelidikan, penawaran pengajian yang relevan dan penubuhan pelbagai kursi pengajian di institusi pengajian tinggi dan luar negara dalam usaha membina reputasi antarabangsa.

Faktor utama pelajar antarabangsa memilih Malaysia kerana yuran dan kos sara hidup yang rendah berbanding dengan negara-negara barat dan Amerika. Tambahan pula Peristiwa 11 September 2011 telah memberi impak mendalam bagi pelajar-pelajar Asia Barat kerana tapisan dan sekatan yang ketat telah dikenakan kepada mereka untuk memasuki negara-negara Eropah. Malaysia juga mampu memberikan pendidikan pengajian tinggi pasca ijazah terbaik di rantau ini. Kestabilan politik dan majoriti penduduk yang beragama Islam menyokong lagi pilihan mereka untuk menyambung pengajian di sini.

Universiti Utara Malaysia (UUM) merupakan sebuah universiti di Malaysia yang menyahut cabaran pengantarabangsaan dengan menawarkan peluang pengajian di peringkat ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan doktor falsafah kepada pelajar antarabangsa. Dengan kedatangan para pelajar antarabangsa dari pelbagai pelusuk dunia maka terjadilah percampuran budaya di dalam komuniti kampus. Disamping terjadinya percampuran budaya penyediaan kemudahan sosial yang kondusif juga adalah amat penting kepada para komuniti pelajar antarabangsa tersebut.

Para pelajar antarabangsa yang terdapat di UUM terdiri daripada pelajar perseorangan dan para pelajar yang berkeluarga. Para pelajar antarabangsa ini ditempatkan di Dewan Penginapan Pelajar (DPP) Maybank, DPP Bank Rakyat, DPP SME Bank, Perumahan Sisiran Sintok, Taman Siswa di Tanah Merah dan di taman-taman perumahan yang terdapat di sekitar pekan Changlun. Penempatan para pelajar antarabangsa di DPP bukanlah suatu kemestian tetapi adalah atas pilihan sendiri. Mereka lebih suka tinggal di DPP kerana kosnya adalah murah dan berada di dalam kawasan kampus yang selesa dan selamat.

Para pelajar antarabangsa yang berada di UUM ini sudah tentu berhadapan dengan pelbagai masalah sosio-budaya, hal ini berlaku kerana keadaan sosio-budaya yang ada di UUM tidak mungkin dapat memenuhi keperluan mereka sepenuhnya kerana perbezaan cara hidup antara mereka dengan pelajar-pelajar tempatan.

Belum ada kajian berkaitan pelajar antarabangsa di UUM ini. Kajian ini bertujuan meninjau masalah sosio-budaya yang dialami dan ditimbulkan oleh pelajar antarabangsa yang tinggal di DPP Maybank UUM. Tinjauan ini berdasarkan kepada pengalaman para pelajar antarabangsa yang tinggal di kawasan tersebut.

Kajian literatur

Terdapat beberapa kajian terkini berkaitan pelajar antarabangsa di Malaysia. Kajian Govinder Nair dan Ching (2009) mendapati berlakunya selisih faham antara sesama pelajar antarabangsa. Hal ini berlaku kerana terdapat perbezaan ideologi politik dan isu semasa yang berlaku di negara asal para pelajar tersebut. Contohnya antara Iran dan Iraq, India dan Pakistan, dan sesama rakyat Palestin. Para pelajar antarabangsa juga berasa asing dan tidak dapat menyesuaikan di negara ini. Kadaan ini berlaku kerana kurang mesra

masyarakat tempatan terhadap para pelajar dari negara-negara tertentu. Para pelajar antarabangsa merasakan kedatangan mereka tidak diingini. Keadaan ini boleh memberi kesan negatif terhadap psikologi dan tingkah laku para pelajar antarabangsa (Chew, 2008). Masalah sosial lain ialah seperti pergaulan bebas yang menyebabkan kehamilan (Tan, 2009).

Kajian berkaitan masalah sosio-budaya pelajar antarabangsa di UTM oleh Khalid dan rakan-rakan (2007), menunjukkan bahawa masalah-masalah yang timbul ialah masalah bahasa, pergaulan, adat budaya dan cara hidup, makanan, sikap, fahaman agama, mengganggu ketenteraman individu, penyesuaian kepada cuaca dan persekitaran tempatan.

Kajian berkaitan dengan persepsi masyarakat tempatan terhadap pelajar antarabangsa dinyatakan bahawa, secara umum, penerimaan masyarakat tempatan tidak begitu positif terhadap pelajar antarabangsa dari sesetengah negara. Hal ini dipercayai merupakan punca dua orang pelajar antarabangsa membunuh diri pada penghujung tahun 2008 (Chapman, Lim & Kulasagaran, 2008).

Antara faktor yang mungkin menyebabkan pelajar dari negara tertentu tidak disenangi masyarakat tempatan adalah seperti berikut:

- Budaya gemar berpesta pada waktu malam hingga mabuk telah mengganggu ketenteraman awam. Pelajar antarabangsa ini dianggap agresif dan gemar membuat bising (Govindan Nair & Ching, 2009).
- Jenayah (misalnya, *black money*, sindiket pengedaran dadah, penipuan, *email scammers* dan sebagainya) yang melibatkan warga asing dari negara tertentu menyebabkan masyarakat mempunyai stigma negatif terhadap pelajar yang juga berasal dari negara tersebut (Obioha, 2009).
- Percanggahan budaya, misalnya gangguan yang diterima oleh kaum wanita. "*We have had many complaints from women that they were harrassed. They asked for telephone numbers and even dates in an intimidating way. Maybe such acts are common in their country but we certainly do not like it here*" (Yip, 2009).

Tinjauan kategori masalah di kalangan pelajar antarabangsa Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah dikaji oleh Hasan bin Husin & Nur Farahiyah binti Mahmud (2008). Beberapa masalah yang paling mengganggu pelajar antarabangsa adalah pelajaran dan kerjaya masa depan, masalah kewangan, keadaan hidup dan pekerjaan, masalah kegiatan sosial dan hiburan. Pelajar antarabangsa juga menghadapi masalah terhadap perkhidmatan internet, makanan, bahasa, dan hubungan sosial dengan pelajar tempatan.

Berkaitan dengan kemudahan sosial para pelajar antarabangsa di UTM, didapati bahawa isu-isu kemudahan sosial yang ditimbulkan ialah papan tanda dan notis dalam bahasa Melayu bukan Bahasa Inggeris seperti yang dikehendaki dan difahami oleh mereka, tempat letak kereta yang terhad, surau, kemudahan pendidikan anak-anak, kerosakkan kemudahan, penyelenggaraan kerosakan, kekurangan kemudahan, pemantauan dan pemeriksaan kemudahan keselamatan.

Faktor tarikan pelajar siswazah antarabangsa ke universiti penyelidikan di Malaysia telah dikaji oleh Abd Hair Awang et al. (2012). Kajian ini mendapati bahawa faktor reputasi akademik serta kesesuaian program dan kursus yang ditawarkan menjadi daya tarikan utama bagi para pelajar pasca siswazah luar negara. Yuran pengajian yang sangat kompetitif merupakan kelebihan universiti di Malaysia dalam menarik pelajar asing terutama pelajar dari benua Afrika, Asia Tenggara dan Asia Selatan. Manakala pelajar dari Negara Timur Tengah selain tertarik dengan reputasi akademik, mereka juga tertarik dengan kelebihan budaya Malaysia (budaya berasaskan Islam), persekitaran yang bersih dan selamat serta kos sara hidup yang rendah.

Metod kajian

Kajian ini berbentuk tinjauan menggunakan soal selidik untuk menjawab soalan-soalan kajian. Responden adalah seramai 182 orang pelajar yang dipilih secara rawak sebagai mewakili 43% daripada populasi. Skala Adaptasi Sosio-Budaya dan Skala Jarak Budaya digunakan sebagai instrumen kajian bagi mendapatkan maklumat yang dikehendaki. Skala Adaptasi Sosio-Budaya (SCAS; Searle & Ward, 1990; Ward & Kennedy, 1999) digunakan dalam kajian ini untuk menilai sejauh mana pelajar antarabangsa di negara tuan rumah menerima pakai tingkah laku budaya tertentu dan penyesuaian yang membantu peralihan silang

budaya. Pada bahagian skala adaptasi sosio-budaya, responden telah memberi maklumat kajian dengan menjawab item-item yang terdapat dalam soal selidik mengikut skala Likert yang terdiri 1 “tiada keyakinan”, hingga 5 “penuh keyakinan”. Sedangkan pada bahagian skala jarak budaya, para responden telah diminta untuk menunjukkan jarak budaya, daripada budaya Melayu terhadap budaya mereka sendiri pada 5 mata skala (1 = sama sekali berbeza; 5 = betul-betul serupa) pada 13 domain berasingan yang menilai kemahiran komunikasi, kehidupan keluarga, nilai-nilai, persahabatan, makanan, bahasa, adat, pakaian, aktiviti-aktiviti sosial, taraf hidup, pandangan dunia, dan kepercayaan agama.

Seterusnya, data kajian yang terkumpul dianalisis menggunakan pengaturcaraan *Statistical Package of the Social Science* (SPSS versi 16.0). Statistik deskriptif digunakan untuk mengenal pasti adaptasi sosio-budaya pelajar antarabangsa, dan dengan demikian masalah sosio-budaya yang dihadapi oleh pelajar antarabangsa DPP Maybank dapat diketahui. Manakala bagi mengenalpasti masalah sosio-budaya yang ditimbulkan oleh pelajar antarabangsa tersebut, temu bual tidak berstruktur juga telah dilakukan dengan beberapa orang kakitangan DPP Maybank dan pelajar tempatan yang terpilih. Menerusi temu bual tersebut gambaran yang lebih jelas berhubung dengan masalah sosio-budaya yang ditimbulkan oleh pelajar antarabangsa dapat diperoleh.

Hasil kajian dan perbincangan

Latar belakang pelajar-pelajar antarabangsa

Berdasarkan Jadual 1, ia menunjukkan bahawa sebahagian besar responden (69.2%) adalah pelajar lelaki manakala responden wanita adalah seramai 30.8%. Keadaan ini menunjukkan bahawa pelajar antarabangsa yang berminat melanjutkan pengajian mereka ke peringkat Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah didominasi oleh pelajar lelaki.

Sebahagian besar responden (71.5%) berumur lebih dari 31 tahun. Keadaan ini boleh berlaku kerana sebahagian besar pelajar yang tinggal di DPP Maybank adalah para pelajar di peringkat Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah. Kajian ini mendapati bahawa hanya sebahagian kecil responden (13.1%) yang berumur 26 tahun ke bawah mengambil bahagian dalam menjawab soalan kajian ini. Mereka ini merupakan pelajar Ijazah Pertama yang telah berumahtangga yang menetap di DPP Maybank ini. Kategori umur yang paling ramai respondennya (27.5%) adalah berumur di antara 31-35 tahun.

Sebahagian besar responden berasal dari Negara Indonesia, Timur Tengah dan Afrika. Oleh itu sebahagian besar agama yang dianuti oleh mereka (91.2%) adalah agama Islam. Hanya sebahagian kecil responden beragama Buddha (6.6%) dan Kristian (2.2%). Majoriti para pelajar yang berasal dari Negara Thailand adalah penganut agama Buddha manakala pelajar yang beragama Kristian adalah mereka yang berasal dari Negara Nigeria dan Negara Indonesia.

Sebahagian besar responden (60.4%) sedang melanjutkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah (PhD) manakala para responden yang sedang melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana adalah seramai 24.7%. Berdasarkan hasil kajian, responden yang sedang mengikuti pengajian di peringkat Sarjana Sains (Penyelidikan) adalah seramai 4.4% manakala para responden yang sedang melanjutkan pengajian di peringkat Doktor Pentadbiran Perniagaan (DBA) adalah seramai 2.2% sahaja. Kelazimannya, para pelajar yang sedang melanjutkan pengajian mereka di peringkat DBA dan Sarjana Sains (Penyelidikan) didapati lebih mencabar dalam sesi pengajian mereka. Mereka memerlukan konsentrasi yang penuh dan komitmen yang sangat tinggi dalam memastikan mereka dapat menamatkan pengajian mengikut tempoh waktu yang telah ditetapkan.

Seramai 182 pelajar dari 19 buah negara telah mengambil bahagian sebagai responden dalam kajian ini. Responden dari Negara Yaman merupakan responden yang paling ramai jumlahnya iaitu sebanyak 18.7%. Responden dari Nigeria pula seramai 18.1% manakala dari Negara Indonesia pula seramai 17.6%, Negara Jordan 9.9% dan Negara Thailand hanya 9.3% sahaja. Responden dari Negara Libya masing-masing mencatatkan jumlah peratusan responden sebanyak 8.2% dan Negara Iraq pula sebanyak 7.1%. Kajian ini mendapati, jumlah responden yang kurang dari 2% adalah mereka yang berasal dari Palestin, Somalia,

Pakistan dan lain-lain negara lagi. Ramai pelajar yang berasal dari Negara Timur Tengah dan Afrika. Fenomena ini berlaku kerana mereka lebih tertarik untuk melanjutkan pengajian di negara yang selamat dan tiada peperangan, serta tiada pergaduhan. Antara faktor lain yang mendorong mereka untuk melanjutkan pengajian mereka di negara ini adalah faktor pembiayaan yuran pengajian yang jauh lebih murah selain mudah mendapatkan makanan yang halal memandangkan majoriti penduduk Negara Malaysia ini adalah beragama Islam. Hal ini seperti yang dinyatakan oleh Abd Hair Awang et al. (2012), bahawa yuran pengajian yang sangat kompetitif, budaya Malaysia berasaskan Islam, persekitaran yang bersih dan selamat serta kos sara hidup yang rendah, merupakan daya tarikan para pelajar antarabangsa.

Faktor yang mendorong rakyat Indonesia untuk menyambung pengajian mereka di negara ini adalah disebabkan faktor jarak perjalanan (samada udara mahupun air) yang lebih dekat berbanding dengan negara lain. Selain daripada itu, faktor berkaitan kadar yuran pengajian yang lebih murah dan berbaloi dari negara-negara lain, selain terdapat faktor yang mewujudkan persamaan dari segi aspek sosio-budaya, seperti bahasa, makanan, pakaian dan pemahaman antara Indonesia dan Malaysia.

Jadual 1. Latar belakang pelajar-pelajar antarabangsa

Jantina	Kekerapan	%
Lelaki	126	69.2
Wanita	56	30.8
Jumlah	182	100.0
Kategori umur (tahun)	Kekerapan	%
<20	3	1.6
21-25	21	11.5
26-30	46	25.3
31-35	50	27.5
36-40	37	20.3
>40	21	11.5
>50	4	2.2
Jumlah	182	100.0
Agama	Kekerapan	%
Islam	166	91.2
Buddha	12	6.6
Kristian	4	2.2
Jumlah	182	100.0
Tahap pendidikan	Kekerapan	%
Ijazah Pertama	15	8.2
Master (kerja kursus)	45	24.7
Master (penyelidikan penuh)	8	4.4
Doktor Falsafah (PhD)	110	60.4
Doktor Pentadbiran Pemiagaan (DBA)	4	2.2
Jumlah	182	100.0
Negara asal	Kekerapan	%
Yemen	34	18.7
Nigeria	33	18.1
Indonesia	32	17.6
Jordan	18	9.9
Thailand	17	9.3
Libya	15	8.2
Iraq	13	7.1
Pakistan	3	1.6
Kurdistan	3	1.6
Palestin	2	1.1
Somalia	2	1.1
Saudi Arabia	2	1.1
Algeria	2	1.1
Uzbekistan, China, Egypt, Eritrea, Sudan,	6	3.0
Syria		
Jumlah	182	100.0

Masalah sosio-budaya yang dihadapi oleh pelajar-pelajar antarabangsa

Jadual 2 menunjukkan bahawa tahap keyakinan dalam aspek komunikasi seperti, memberikan pandangan dan idea yang bernas sewaktu sesi pembelajaran di dalam kelas, membuat daya tarikan dari persepsi kalangan orang luar (masyarakat setempat), memahami lawak jenaka yang dibuat oleh orang tempatan dan sebagainya mencatatkan skala sebanyak 3.50 – 3.82 (berasa yakin – keyakinan tinggi). Justeru itu, para pengkaji boleh menyimpulkan bahawa tiada masalah komunikasi berlaku di kalangan pelajar antarabangsa yang menginap di DPP Maybank.

Tahap keyakinan dalam aspek kemahiran sosial mencatatkan adalah skala 3.27 – 3.54 (berasa yakin – keyakinan tinggi). Oleh yang demikian, hasil kajian mendapati bahawa tiada masalah dihadapi oleh para pelajar antarabangsa ini dari segi aspek kemahiran sosial seperti pergaulan sesama rakan, aktiviti sosial, berurusan dengan orang tempatan.

Kajian juga mendapati tiada masalah yang dihadapi oleh para pelajar antarabangsa ini dalam aspek perubahan dalam kehidupan yang mencatatkan skala 3.41 - 3.81 (berasa yakin – keyakinan tinggi).

Skala bagi tahap keyakinan dalam aspek adaptasi dicatatkan sebanyak 2.97 – 3.52 (kurang keyakinan – keyakinan tinggi). Maka dengan itu, pengkaji mendapati bahawa wujud sedikit masalah ketika beradaptasi dengan nilai-nilai tempatan seperti pemahaman bahasa, sistem politik, sistem nilai dan memahami sudut pandang penduduk tempatan. Masalah ini dihadapi terutamanya oleh pelajar dari Negara Thailand, Nigeria, Jordan dan Yemen. Walau bagaimanapun, pelajar dari Negara Indonesia tidak menghadapi masalah tentang perkara-perkara ini.

Tahap keyakinan dalam aspek adaptasi dengan dunia akademik dan masyarakat sekitar mencatatkan skala 3.65 – 4.37 (keyakinan tinggi – keyakinan penuh). Dinyatakan bahawa aspek adaptasi dengan dunia akademik dan masyarakat sekitar seperti, berurusan dengan pensyarah (tenaga akademik)/staf pentadbiran universiti, melaksanakan kerja-kerja akademik serta mematuhi peraturan/undang-undang tempatan yang telah ditetapkan dan sebagainya tidak mendatangkan masalah bagi pelajar antarabangsa DPP Maybank.

Tahap keyakinan dalam aspek kehidupan inter-personal mencatatkan skala 3.15 – 3.91 (berasa yakin – keyakinan tinggi). Boleh dinyatakan bahawa aspek kehidupan inter-personal seperti, pergaulan sosial dengan pelajar antarabangsa lain dan pelajar tempatan, bantuan yang diperlukan daripada orang tempatan dan sebagainya tidak juga mendatangkan masalah serta kesukaran bagi pelajar antarabangsa tersebut.

Jadual 2. Min tahap keyakinan terhadap masalah sosio-budaya yang dihadapi oleh pelajar antarabangsa

Aspek	Min tahap keyakinan terhadap masalah sosio-budaya					
	Pelajar Yemen (18.7%)	Pelajar Nigeria (18.1%)	Pelajar Indonesia (17.6%)	Pelajar Jordan (9.9%)	Pelajar Thailand (9.3%)	Pelajar antarabangsa (100%)
Komunikasi	3.50	3.80	3.82	3.5	3.50	3.37
Kemahiran sosial	3.27	3.44	3.54	3.30	3.43	3.14
Perubahan dalam kehidupan	3.65	3.69	3.81	3.56	3.41	3.49
Adaptasi terhadap nilai-nilai tempatan	2.97	3.01	3.52	3.03	3.10	3.14
Adaptasi terhadap dunia akademik	3.64	4.37	3.86	3.68	3.65	3.63
Kehidupan interpersonal	3.31	3.22	3.91	3.15	3.17	3.44
Kehidupan peribadi	3.24	3.35	3.37	2.82	3.62	3.15
Kepuasan hati secara umum	3.80	3.66	3.75	3.63	3.76	3.59

Keterangan: 1 (tiada keyakinan), 2 (kurang keyakinan), 3 (berasa yakin), 4 (keyakinan tinggi), 5 (keyakinan penuh)

Tahap keyakinan dalam aspek kepuasan secara umum adalah catatan skala 3.63 – 3.80 (berasa yakin – keyakinan tinggi). Oleh itu bolehlah dinyatakan bahawa rata-rata para pelajar antarabangsa ini tidak menghadapi masalah dari segi aspek kepuasan hidup secara umum seperti, berpuas hati dengan kehidupan

di Malaysia serta berkeinginan untuk tinggal dan melawat ke Negara Malaysia lagi setelah tamat menamatkan pengajian mereka.

Skala bagi tahap keyakinan dalam aspek kehidupan peribadi diperolehi sebanyak 2.82 – 3.62 (kurang keyakinan – keyakinan tinggi). Wujudnya masalah dari aspek kehidupan peribadi seperti masalah kewangan yang dialami oleh pelajar dari Negara Nigeria, Jordan dan Yemen. Antara aspek kehidupan peribadi lain yang tidak membawa permasalahan kepada mereka adalah seperti hubungan kekeluargaan di negara asal, keselesaan hidup yang dialami dalam suasana kehidupan masyarakat Malaysia dan sebagainya.

Jadual 3 menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar dari Negara Indonesia tidak menghadapi sebarang masalah sosio-budaya, terutamanya perkara-perkara yang berhubung kait dengan kemahiran atau kaedah berkomunikasi, kemahiran sosial, perubahan dalam kehidupan, adaptasi terhadap nilai-nilai tempatan dan kehidupan inter-personal. Bagi pelajar dari Negara Nigeria, mereka juga tidak menghadapi sebarang masalah sosio-budaya terutamanya yang berkaitan dengan adaptasi dengan dunia akademik dan masyarakat sekitar. Pelajar dari Negara Thailand juga tidak menghadapi sebarang masalah sosio-budaya, terutamanya yang berkaitan dengan kehidupan peribadi manakala pelajar dari Yemen, mereka sangat berpuas hati terhadap kehidupan secara umum masyarakat di Malaysia.

Jadual 3. Peringkat pertama dalam perkara ketiadaan masalah sosio-budaya yang dihadapi oleh pelajar antarabangsa

Bil.	Aspek	Peringkat pertama ketiadaan masalah	%
1.	Komunikasi		
2.	Kemahiran sosial		
3.	Perubahan dalam kehidupan	Pelajar Indonesia	
4.	Adaptasi terhadap nilai-nilai tempatan		62.5
5.	Kehidupan inter-personal		
6.	Adaptasi dengan dunia akademik dan masyarakat sekitar	Pelajar Nigeria	12.5
7.	Kehidupan peribadi	Pelajar Thailand	12.5
8.	Kepuasan secara umum	Pelajar Yemen	12.5

Skala jarak budaya antara negara asal pelajar-pelajar antarabangsa dengan Negara Malaysia

Sebanyak 13 soalan yang berkaitan dengan skala jarak budaya antara budaya di negara asal dengan budaya di Malaysia telah ditanyakan kepada responden, seperti yang dinyatakan di dalam Jadual 4 di bawah ini.

Berdasarkan Jadual 4, sebahagian besar responden (45.6%) menyatakan bahawa pakaian yang mereka pakai sehari-hari mempunyai banyak perbezaan dengan pakaian yang digunakan oleh masyarakat Malaysia. Aspek pakaian ini termasuklah cara berpakaian, model pakaian dan sebagainya. Demikian juga dengan aspek makanan, mencatatkan peratusan sebanyak 65.4%. Ini menunjukkan bahawa dari segi aspek makanan mempunyai perbezaan yang sangat tinggi dan amat ketara di antara negara kelahiran mereka dan Negara Malaysia ini. Temuan kajian ini sama seperti hasil kajian yang dilaksanakan oleh Hasan bin Husin & Nur Farahiyah binti Mahmud (2008), dinyatakan bahawa salah satu masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar antarabangsa adalah masalah makanan.

Begitu juga dengan aspek komunikasi dan bahasa. Sebahagian besar responden (53.3%) menyatakan bahawa cara mereka berkomunikasi termasuk penggunaan bahasa sehari-hari (68.7%) adalah sangat berbeza dengan cara komunikasi dan bahasa yang diamalkan oleh masyarakat Malaysia. Sebagai contoh, bahasa orang dari Timur Tengah, Afrika dan Thailand sangat berlainan dengan Bahasa Melayu. Begitu juga dengan Bahasa Indonesia. Meskipun Indonesia dan Malaysia dikategorikan dalam satu rumpun, bagaimanapun Bahasa Indonesia agak berbeza dengan Bahasa Melayu dari segi dialeg dan maknanya. Seperti kajian yang dilakukan oleh Hasan bin Husin & Nur Farahiyah binti Mahmud (2008) dinyatakan bahawa salah satu masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar antarabangsa adalah masalah bahasa dan hubungan sosial dengan pelajar tempatan

Perbezaan berkaitan adat resam dan kos sara hidup juga telah dinyatakan oleh sebahagian besar responden dengan catatan peratusan sebanyak 56.6% dan 43.4%. Perbandingan dari segi kos sara hidup di antara Negara Indonesia, Thailand dan Afrika, secara puratanya, ia menunjukkan kos tersebut jauh lebih murah dengan Negara Malaysia. Dari segi adat resam di Negara Timur Tengah dan Afrika pula, sudah tentu menunjukkan perbezaan yang amat ketara sekali dengan adat resam dan budaya hidup masyarakat di Malaysia. Seperti contoh, berdasarkan kenyataan yang tercatat di <http://subpokbarab.wordpress.com/2008/09/08/budaya-arab/>, orang Arab (lelaki) akan mengusap-usap janggut mereka sekiranya mereka ingin memperolehi sesuatu daripada orang lain (cara merayu-rayu). Bagaimanapun, hal tersebut tidak berlaku di Negara Malaysia.

Dari segi aspek agama, sebahagian besar responden (68.7%) menyatakan bahawa agama yang mereka anuti mempunyai banyak persamaannya dengan agama yang dianuti oleh sebahagian besar penduduk Malaysia iaitu agama Islam. Justeru itu, dari segi aspek kehidupan berkeluarga, norma/nilai, persahabatan, pandangan hidup, kegiatan sosial dan taraf hidup, sebahagian besar responden yang masing-masing mencatatkan sebanyak 58.2%, 60.4%, 58.8%, 54.4%, 56.0% dan 56.0% menyatakan bahawa perkara-perkara tersebut adalah lebih kurang sama dengan keadaan di negara asal mereka.

Jadual 4. Perbezaan aspek-aspek budaya antara negara asal dengan Negara Malaysia

Pakaian	Kekerapan	%	Komunikasi	Kekerapan	%
1 (Sepenuhnya berbeza)	29	15.9	1 (Sepenuhnya berbeza)	38	20.9
2	54	29.7	2	59	32.4
3	50	27.5	3	47	25.8
4	33	18.1	4	32	17.6
5 (Sepenuhnya serupa)	16	8.8	5 (Sepenuhnya serupa)	6	3.3
Jumlah	182	100.0	Jumlah	182	100.0
Agama	Kekerapan	%	Kehidupan berkeluarga	Kekerapan	%
1 (Sepenuhnya berbeza)	8	4.4	1 (Sepenuhnya berbeza)	21	11.5
2	18	9.9	2	44	24.2
3	31	17.0	3	65	35.7
4	64	35.2	4	41	22.5
5 (Sepenuhnya serupa)	61	33.5	5 (Sepenuhnya serupa)	11	6.0
Jumlah	182	100.0	Jumlah	182	100.0
Nilai/norma	Kekerapan	%	Persahabatan	Kekerapan	%
1 (Sepenuhnya berbeza)	9	4.9	1 (Sepenuhnya berbeza)	17	9.3
2	53	29.1	2	46	25.3
3	67	36.8	3	59	32.4
4	43	23.6	4	48	26.4
5 (Sepenuhnya serupa)	10	5.5	5 (Sepenuhnya serupa)	12	6.6
Jumlah	182	100.0	Jumlah	182	100.0
Bahasa	Kekerapan	%	Makanan	Kekerapan	%
1 (Sepenuhnya berbeza)	68	37.4	1 (Sepenuhnya berbeza)	61	33.5
2	57	31.3	2	58	31.9
3	31	17.0	3	36	19.8
4	20	11.0	4	24	13.2
5 (Sepenuhnya serupa)	6	3.3	5 (Sepenuhnya serupa)	3	1.6
Jumlah	182	100.0	Jumlah	182	100.0

Adat resam	Kekerapan	%	Pandangan hidup	Kekerapan	%
1 (Sepenuhnya berbeza)	39	21.4	1 (Sepenuhnya berbeza)	35	19.2
2	64	35.2	2	41	22.5
3	41	22.5	3	68	37.4
4	34	18.7	4	31	17.0
5 (Sepenuhnya serupa)	4	2.2	5 (Sepenuhnya serupa)	7	3.8
Jumlah	182	100.0	Jumlah	182	100.0
Kegiatan sosial	Kekerapan	%	Kos hidup	Kekerapan	%
1 (Sepenuhnya berbeza)	25	13.7	1 (Sepenuhnya berbeza)	25	13.7
2	48	26.4	2	54	29.7
3	69	37.9	3	52	28.6
4	33	18.1	4	38	20.9
5 (Sepenuhnya serupa)	7	3.8	5 (Sepenuhnya serupa)	13	7.1
Jumlah	182	100.0	Jumlah	182	100.0
Taraf hidup	Kekerapan	%			
1 (Sepenuhnya berbeza)	25	13.7			
2	46	25.3			
3	69	37.9			
4	33	18.1			
5 (Sepenuhnya serupa)	9	4.9			
Jumlah	182	100.0			

Berdasarkan Jadual 5 yang tercatat di bawah ini, mendapati bahawa skala jarak budaya pada tahap 'lebih kurang sama', dan pada tahap 'kebanyakannya berbeza' adalah mempunyai peringkat yang sama, dengan kadar sebesar 46.15%. Manakala skala jarak budaya pada tahap 'kebanyakannya serupa' iaitu untuk perkara agama, dengan kadar sebesar 7.69%. Oleh itu dapat dinyatakan bahawa daripada 13 aspek sosio-budaya tersebut, hanya perkara agama sahaja yang mempunyai jarak budaya yang serupa, manakala

Jadual 5. Ranking skala jarak budaya antara negara asal pelajar dengan Negara Malaysia

Aspek budaya	Skala jarak budaya	%
Agama	4 - 5	7.69
Kehidupan berkeluarga	3 - 4	
Norma/nilai	3 - 4	
Persahabatan	3 - 4	
Pandangan hidup	3 - 4	46.15
Kegiatan sosial	3 - 4	
Taraf hidup	3 - 4	
Pakaian	1 - 2	
Komunikasi	1 - 2	
Adat resam	1 - 2	
Kos hidup	1 - 2	46.15
Bahasa	1 - 2	
Makanan	1 - 2	

Ket: 1 (sepenuhnya berbeza), 5 (sepenuhnya serupa)

perkara sosio-budaya yang lain dalam tahap jarak budaya kebanyakannya serupa (kehidupan berkeluarga, norma/nilai, persahabatan, pandangan hidup, kegiatan sosial dan taraf hidup) dan kebanyakannya berbeza

(pakaian, komunikasi, bahasa, makanan, adat resam dan kos hidup). Hal ini boleh berlaku kerana sememangnya pelajar-pelajar antarabangsa tersebut berasal dari negara-negara dengan keadaan geografi dan sosio-budaya yang berbeza dengan Negara Malaysia.

Masalah sosio-budaya yang ditimbulkan oleh pelajar-pelajar antarabangsa

Pada bulan Julai 2013, pengkaji telah melakukan temu bual bersama 5 orang staf pentadbiran DPP Maybank UUM berkaitan dengan tanggapan mereka terhadap masalah sosio budaya yang ditimbulkan oleh pelajar antarabangsa yang tinggal di DPP Maybank (lihat Jadual 6). Daripada Jadual tersebut didapati bahawa, staf pentadbiran DPP Maybank ini telah menerima banyak aduan tentang, a) Bunyi bising di apartment yang dihuni oleh mereka pada malam hari yang berpunca daripada para pelajar dari Negara Timur Tengah dan Afrika, b) Berbual sampai larut malam sehingga mengganggu pelajar yang lain, c) Membawa pasangan bukan mahram ke dalam bilik (yang pernah dilakukan oleh pelajar Thailand, Afrika dan Timur Tengah), d) Membuang sampah dan perabot yang rosak merata-rata tempat dan e) Bau masakan yang pelik sehingga mengganggu deria bau.

Perbalahan antara pelajar antarabangsa juga pernah berlaku, sama ada antara pelajar Timur Tengah dengan Timur Tengah atau antara pelajar Timur Tengah dengan Afrika. Topik yang biasa menjadi isu sensitif ialah perbezaan fahaman/aliran dalam Islam antar pelajar-pelajar Timur Tengah. Temuan kajian ini, sama seperti hasil kajian yang dilakukan oleh Govinder Nair dan Ching (2009) dimana ianya mendapati berlakunya selisih fahaman antara sesama pelajar antarabangsa. Hal ini berlaku kerana terdapat **perbezaan ideologi politik dan isu semasa yang berlaku di negara asal** para pelajar antarabangsa tersebut.

Selain dari faktor-faktor masalah yang ditimbulkan seperti yang dinyatakan di atas, para pelajar antarabangsa ini amat sukar untuk bergiat aktif dalam aktiviti-aktiviti dan program-program yang dianjurkan oleh universiti. Mereka akan meminta 'token' daripada pihak pengurusan seperti contoh t-shirt, makanan, minuman, sijil dan lain-lain sekiranya mereka diminta untuk menyertai aktiviti-aktiviti mahupun program-program tersebut. Aktiviti atau program yang berbentuk kebajikan dan kemasyarakatan seperti lawatan ke rumah anak-anak yatim piatu dan orang-orang tua, kerja-kerja membersihkan surau atau masjid amat diminati dan disukai oleh mereka.

Mengikut data terkini (ketika kajian dijalankan), sebahagian besar daripada mereka adalah pelajar yang menyambung pengajian mereka di peringkat Ijazah Doktor Falsafah iaitu sebanyak 60.1% dan para pelajar yang sudah berkeluarga pula mencatatkan peratusan sebanyak 57.4%. Oleh yang demikian, di atas sebab-sebab dan faktor-faktor sepertimana yang dinyatakan di atas telah dijadikan sebagai 'alasan utama' oleh mereka agar mereka dapat 'dikecualikan' dari mengikuti aktiviti-aktiviti yang telah diaturkan oleh pihak universiti seperti perarakan, sukan dan sebagainya. Selain aktiviti dan program yang berbentuk kebajikan dan kemasyarakatan seperti yang dinyatakan di atas, mereka juga amat menyukai aktiviti berbentuk lawatan seperti melawat ke Negara Thailand, Singapura, Indonesia dan lain-lain lagi. Para pelajar antarabangsa ini merupakan pendatang asing di Negara Malaysia. Sehubungan dengan itu, mereka akan menggunakan kesempatan dan peluang yang ada untuk melawat ke tempat-tempat pelancongan yang menarik sebelum mereka pulang ke negara asal mereka.

Jika dilihat dari segi aspek sosio-budaya, para pengkaji mendapati bahawa, a) Sering berlaku salah fahaman dalam komunikasi (*miscommunication*) di antara staf pentadbiran DPP Maybank dengan para pelajar khususnya yang datang dari Negara Timur Tengah, b) Pelajar Timur Tengah amat gemar 'berhujah pendapat' atau membuat provokasi apabila mereka berurusan di kaunter pejabat. Secara tidak langsung, mereka telah mempamerkan budaya mereka iaitu berkelakuan kasar, tidak bersopan atau biadap di antara mereka dan staf pentadbiran, d) Tidak sabar dan c) Pelajar dari Afrika pula mereka lebih suka 'bermain dengan fakta mahupun angka' ketika berurusan dengan staf pentadbiran. Hasil kajian ini, sama seperti dapatan kajian daripada Govindan Nair & Ching, (2009), bahawa **antara faktor yang mungkin menyebabkan pelajar dari negara tertentu tidak disenangi masyarakat tempatan salah satunya adalah pelajar antarabangsa ini dianggap agresif dan gemar membuat bising**. Walau bagaimanapun, sekiranya mereka ini diajak berbincang dengan baik ada di antara mereka boleh menerima pandangan dan cuba memahami kekeliruan situasi yang dihadapi oleh staf pentadbiran dalam usaha memenuhi kehendak dan kemahuan

mereka. Namun yang demikian, masih ada segolongan pelajar antarabangsa ini berkelakuan atau bersikap baik dan suka bekerjasama dan menghulurkan bantuan sekiranya bantuan mereka diperlukan.

Masalah lain yang timbul adalah wujudnya percanggahan budaya, misalnya gangguan yang diterima oleh pelajar wanita tempatan. Pelajar laki-laki antarabangsa seperti dari Timur Tengah, telah meminta nombor telefon dan meminta untuk berjumpa dengan cara yang agak agresif dan berlebihan, sehingga telah mengganggu pelajar wanita tempatan tersebut. Dapatan kajian ini, seperti hasil kajian daripada Yip (2009), bahawa telah berlaku percanggahan budaya di antara para pelajar antarabangsa tersebut. Sesuatu keadaan yang mungkin biasa berlaku di negara mereka, bagaimanapun keadaan tersebut tidak boleh dilakukan di Negara Malaysia.

Secara umumnya, para pelajar dari Negara Indonesia dan Thailand, rata-ratanya tidak menimbulkan masalah yang besar bagi staf pentadbiran DPP Maybank UUM. Mereka mudah menerima pandangan dan alasan yang diberikan selain suka menghulurkan bantuan dan kerjasama serta mewujudkan suasana yang aman, damai dan harmoni.

Jadual 6. Tanggapan masyarakat tempatan mengenai masalah sosio-budaya yang ditimbulkan oleh pelajar antarabangsa

Perkara sosio-budaya	Tanggapan masyarakat tempatan yang diwakili oleh staf DPP Maybank
Persekitaran asrama	<ul style="list-style-type: none">• Bunyi bising di apartment pada malam hari yang berpunca daripada para pelajar dari Negara Timur Tengah dan Afrika,• Berbual sampai larut malam sehingga mengganggu pelajar yang lain,• Membawa pasangan bukan mahram ke dalam bilik (yang pernah dilakukan oleh pelajar Thailand, Afrika dan Timur Tengah),• Membuang sampah dan perabot yang rosak merata-rata tempat,• Bau masakan yang pelik sehingga mengganggu deria bau,
Komunikasi	<ul style="list-style-type: none">• Sering berlaku salah faham dalam komunikasi (<i>miscommunication</i>),• Pelajar Timur Tengah amat gemar 'berhujah pendapat' atau membuat provokasi apabila mereka berurusan di kaunter pejabat,• Tidak sabar – Urusan dengan kerja-kerja pembaikan/penyenggaraan,• Pelajar dari Afrika pula mereka lebih suka kalau wujud angka dan fakta dan• Logat pelajar Timur Tengah dalam bercakap Bahasa Inggeris agak susah dipahami.• Percanggahan budaya
Aktiviti program	<ul style="list-style-type: none">• Sukar mengikuti aktiviti atau program yang dianjurkan oleh universiti,• Amat menyukai aktiviti berbentuk kebajikan, kemasyarakatan dan lawatan,• Cabaran yang tinggi terpaksa dihadapi oleh staf pentadbiran untuk mengurus para pelajar antarabangsa ini berbanding menguruskan para pelajar tempatan.

Kesimpulan

Mengikut dapatan kajian dan perbincangan yang telah dihurai pada bab sebelum ini, bolehlah dirumuskan bahawa;

Sebahagian besar pelajar antarabangsa Universiti Utara Malaysia tidak menghadapi sebarang masalah sosio-budaya seperti dalam aspek komunikasi, kemahiran sosial, perubahan dalam kehidupan, adaptasi terhadap nilai-nilai tempatan, kehidupan inter-personal, adaptasi dengan dunia akademik dan masyarakat sekitar dan kehidupan peribadi. Pelajar dari Negara Indonesia merupakan golongan pelajar yang tidak mempunyai masalah tentang sosio-budaya dengan kehidupan masyarakat Malaysia. Ini adalah kerana masyarakat Indonesia dan masyarakat Malaysia dikategorikan sebagai satu rumpun yang sama iaitu 'rumpun kehidupan masyarakat Melayu'.

Sebahagian besar pelajar antarabangsa Universiti Utara Malaysia menyatakan skala jarak budaya antara negara asal dengan Malaysia adalah pada tahap 'lebih kurang sama', iaitu dari segi aspek seperti kehidupan berkeluarga, norma/nilai, persahabatan, pandangan hidup dan kegiatan sosial. Selanjutnya, pada peringkat kedua adalah pada tahap jarak budaya 'kebanyakan berbeza' iaitu untuk aspek-aspek seperti bahasa, makanan, pakaian, komunikasi, adat resam dan kos sara hidup. Manakala peringkat terakhir atau adalah pada tahap jarak budaya 'kebanyakan serupa', iaitu untuk aspek agama.

Masyarakat tempatan kebanyakan beranggapan bahawa masalah sosio-budaya yang sering ditimbulkan oleh pelajar antarabangsa adalah seperti masalah bahasa atau salah faham komunikasi (*miscommunication*), tingkah laku, etika pergaulan, kebersihan dan kemudahan penginapan yang kondusif. Masalah-masalah ini sering ditimbulkan terutamanya di kalangan pelajar dari Negara Timur Tengah dan Afrika.

Namun yang demikian, tidak semua pelajar yang datang dari Negara Timur Tengah dan Afrika ini mempunyai tingkah laku yang kurang menyenangkan. Ada di antara mereka suka menghulurkan bantuan dan peka dengan kehidupan sekeliling mereka. Para pelajar dari Negara Indonesia dan Negara Thailand rata-ratanya tidak mendatangkan masalah dari segi sosio-budaya ini. Kelazimannya, para pelajar ini akan memberikan kerjasama yang penuh dan mereka juga amat mudah didekati atau didampingi.

Maka dengan ini, disimpulkan bahawa semakin banyak persamaan keadaan sosio-budaya di antara negara asal para pelajar antarabangsa ini dengan negara Malaysia, dan semakin pendek jarak negara asal mereka dengan negara Malaysia, maka semakin kurang masalah sosio-budaya yang ditimbulkan oleh para pelajar antarabangsa ini.

Penghargaan

Penghargaan ditujukan khas kepada Universiti Utara Malaysia kerana membiayai kajian ini di bawah Geran Penyelidikan HEP Universiti bagi tahun 2013. Penghargaan juga ditujukan kepada barisan Staf Pentadbiran Dewan Penginapan Pelajar Maybank, UUM, para pelajar tempatan dan para pelajar antarabangsa di DPP Maybank yang terlibat dalam kajian ini samada secara langsung ataupun tidak langsung.

Rujukan

- Abd Hair Awang, Zaimah Ramli, Izzurazlia Ibrahim (2012) *Faktor tarikan pelajar siswazah antarabangsa ke universiti penyelidikan di Malaysia*. GEOGRAFIA-Malaysian Journal of Society and Space **8** (6), 32 – 41.
- Azizi Yahaya et al. (2006) *Menguasai penyelidikan: Teori, analisis & interpretasi data*. PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd., Selangor.
- Bektas DY (2004) Psychological adaptation and acculturation of the Turkish students in the U.S.A. (PhD Dissertation). Middle East Technical University, Ankara, Turkey.
- Chapman, Lim, Kulasagaran (2008) Hostile Malaysians push Bostwanian students to the brink of suicide. *The Star*, December 11, 2008.
- Chew' S (2008) Africans have problems acclimatising, says minister. *The Star*, December 25, 2008.
- Govindan Nair, Ching P (2009) Pegawai di Nottingham University Campus Malaysia, Semenyih, Selangor, Malaysia (Temu bual yang dijalankan oleh Prof. Yang Farina Abdul Aziz). Dalam: Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (IPPTN) (eds) *Kajian pelajar antarabangsa di Malaysia: Laporan akhir*. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Hasan bin Husin, Nur Farahiyah binti Mahmud (2008) Tinjauan kategori masalah dalam kalangan pelajar antarabangsa Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor Darul Takzim. Universiti Teknologi Malaysia.
- <http://subpokbarab.wordpress.com/2008/09/08/budaya-arab> [cited 9/1/2014].

http://id.wikipedia.org/wiki/Politik_Malaysia [cited 9/1/2014].

Ka Ho Mok (2011) The quest for regional hub of education: Growing hierarchies, organizational hybridization, and new governance in Singapore and Malaysia. *Journal of Education Polic.* **26** (1), 61-81.

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2007) Pelan strategik pengajian tinggi Negara: Peletakan asas melangkaui 2020. Kementerian Pengajian Tinggi, Putrajaya.

Mohamad Kamal Harun (2009) International student mobility & the 'UiTM study abroad' programme. Prosiding Seminar on employability enhancing graduate employability: Issues, concerns & the way forward, pp. 21 – 22. UiTM, Shah Alam.

Mohamad Najib Abdul Ghaffar (1999) *Penyelidikan pendidikan*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, Johor.

Obioha MJO (2009) Don't brand all Nigerians as crooks. *The Star*, April 10, 2009.

Renee M, Gibbs MA (2011) Psychological Adjustment and Socio-cultural Adaptation of International Students in Turkey. (PhD dissertation). School of Psychology, Family & Community, Seattle Pacific University.

Searle W, Ward C (1990) The prediction of psychological and socio-cultural adjustment during cross-cultural transitions. *International Journal of Intercultural Relations* **14**, 449-464.

Tan E (2009) Pegawai di Taylor's University College, Subang Jaya, Selangor, Malaysia (Temu bual yang dijalankan oleh Prof. Madya Badaruddin Mohamed). Dalam: Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (IPPTN) (eds) *Kajian pelajar antarabangsa di Malaysia: Laporan akhir*. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Ward C, Kennedy A (1999) The measurement of socio-cultural adaptation. *International Journal of Intercultural Relations* **23**, 659-677.

Ward C, Rana-Deuba A (1999) Acculturation and adaptation revisited. *Journal of Cross-Cultural Psychology* **30**, 372-392.

Yip YT (2009) Trouble brewing in Kepong. *The Star*, May 4, 2009.

International student UUM

ORIGINALITY REPORT

19%

SIMILARITY INDEX

18%

INTERNET SOURCES

0%

PUBLICATIONS

7%

STUDENT PAPERS

MATCH ALL SOURCES (ONLY SELECTED SOURCE PRINTED)

4%

★ **issuu.com**

Internet Source

Exclude quotes On

Exclude bibliography On

Exclude matches Off